

Remaja mengaku seks dengan 5 rakan

BH
18/8/2016
m15 32

➔ 4 suspek ditahan reman kes rogol pelajar Tingkatan Satu

Ketua Polis Daerah Batu Pahat, Asisten Komisioner Abdul Wahib Musa, berkata pemeriksaan hospital mengesahkan pelajar perempuan berusia 12 tahun lapan bulan itu dirogol berikutan kesan koyakan pada kemaluannya akibat hubungan seks.

Mangsa mengaku

Katanya, mangsa juga akhirnya mengaku melakukan hubungan seks dengan lima rakan sekolahnya sejak April lalu di beberapa tempat termasuk tempat rehat tasik di Taman Evergreen Heights dan di pondok kosong Sungai Suloh, dekat sini.

"Bertindak daripada laporan ibu serta pengakuan mangsa, sepasukan polis membuat serbuan di kawasan Sungai Suloh, Senggarang, dekat sini, selepas lima suspek berkenaan tidak hadir ke sekolah berikutan perkara itu terbongkar.

"Dalam serbuan kira-kira jam 1 pagi kelmarin itu, polis menahan dua suspek berusia 13 tahun yang juga rakan sekelas mangsa dan dua lagi 15 tahun ditahan di kediaman



Perkara itu terbongkar selepas ibu mangsa bimbang berikutan anak perempuannya itu tidak pulang ke rumah seharian"

Abdul Wahib Musa,
Ketua Polis Daerah
Batu Pahat

mereka di kawasan Sungai Suloh, Senggarang. Polis masih lagi berusaha mengesan seorang lagi suspek.

"Perkara itu terbongkar selepas ibu mangsa bimbang berikutan anak perempuannya itu tidak pulang ke rumah seharian selepas keluar Sabtu lalu dan hanya pulang ke rumah pada malam Ahad kira-kira jam 7 malam.

Bawa anak ke balai polis

"Ia menyebabkan ibu berkenaan membawa anaknya ke balai polis untuk disiasat, apatah lagi guru mangsa pernah memanggil wanita berusia 34 tahun itu ke sekolah memaklumkan pelajar itu disyaki dirogol rakan sekolah," katanya.

Abdul Wahib berkata, mangsa juga mengaku mengadakan hubungan seks beberapa kali dengan lima rakan lelakinya itu sebelum ini.

Katanya, keempat-empat suspek direman seminggu mulai kelmarin dan kes disiasat mengikut Seksyen 376 Kanun Keseksaan kerana merogol.

Fakta
nombor

5 RAKAN

sekolah rogol pelajar Tingkatan Satu sejak April lalu

4 SUSPEK

iaitu dua berusia 13 tahun dan dua berusia 14 tahun berjaya ditahan

Oleh **Mohamed Farid Noh**
farid_noh@bh.com.my

■ Batu Pahat

Tindakan seorang ibu membawa anaknya ke balai polis untuk disiasat kerana sering menghilangkan diri dari rumah, membongkar rahsia pelajar Tingkatan Satu itu dirogol rakan sekolahnya sejak April lalu.

Tindakan nekad itu, berdasarkan maklumat awal oleh guru pelajar terbabit yang mengesyaki anaknya itu, menjadi mangsa rogol oleh rakan sekolah.